

STRATEGI DAN CABARAN SEKTOR PENGUATKUASA DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (DBKK) DALAM MENANGANI ISU SETINGGAN DI BANDARAYA KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA

STRATEGIES AND CHALLENGES OF KOTA KINABALU CITY HALL ENFORCEMENT SECTOR IN ADDRESSING SQUATTER ISSUES IN KOTA KINABALU CITY, SABAH, MALAYSIA

¹Dayang Siti Noorafidah Datu Nordin, ²Marsitah Md Radzi & ³Rahimin Abdurahman

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah
dayangsitinoorafidah279@gmail.com

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah
marsitah@ums.edu.my

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah
rahiminabdurahman@gmail.com

Tarikh Diserah: 20 April 2023
Tarikh Diterima: 30 Oktober 2023

ABSTRACT

This article aims to discuss the strategies and challenges of the enforcement sector in addressing squatter issues in Kota Kinabalu City Hall, Sabah. The squatter refers to any houses, huts, barns, stalls, sneakers, places of channel, brackets, or any connection or construction that combines a building or structure made of any material as a place of human residence. The main objective of this study was to identify the strategy of the enforcement sector in addressing squatter issues and the challenges faced by the enforcement sector in addressing squatter issues. The primary approach to this study is a qualitative approach based on primary and secondary data. Primary source data through observation and interview. Secondary source data is through journal articles, academic reference books, and online newspaper news are widely used in this writing. The findings of this study show that the enforcement sector has sought to curb this problem by continuing to introduce the coating program. However, these squatter issues need to be monitored from time to time. This is due to this squatter issue that cannot be eliminated directly but can be controlled occasionally.

Keywords: *Challenges, Strategies, Squatters, Enforcement Sectors Squatters*

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang strategi dan cabaran sektor penguatkuasa dalam menangani isu setinggan di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Setinggan merujuk kepada apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, sengkuaip, tempat perteduhan, kurungan beratap atau apa-apa sambungan atau binaan yang bercantum kepada sesuatu bangunan atau binaan lain yang dibuat daripada apa-apa juga bahan sebagai tempat kediaman manusia. Objektif utama kajian ini ialah mengenalpasti strategi sektor penguatkuasa dalam menangani isu setinggan serta apakah cabaran yang dihadapi oleh sektor penguatkuasa dalam menangani isu setinggan. Pendekatan utama kajian ini adalah pendekatan kualitatif yang bersandarkan kepada data primer dan data sekunder. Data sumber primer melalui pemerhatian dan temubual. Manakala data sumber sekunder adalah melalui artikel jurnal, buku rujukan akademik dan berita akhbar dalam talian digunakan secara meluas dalam penulisan ini. Dapatan kajian ini menunjukkan sektor penguatkuasa telah berusaha untuk mengekang masalah ini daripada terus berleluasa dengan mengenalkan Program Sifar Setinggan. Namun begitu, isu setinggan ini perlu dipantau dari semasa ke semasa. Hal ini disebabkan oleh isu setinggan ini tidak boleh dihapuskan secara langsung tetapi boleh dikawal dari semasa ke semasa.

Kata kunci: Cabaran, Strategi, Setinggan, Sektor Penguatkuasa

Pengenalan

Rumah merupakan asas kepada keperluan manusia sejak zaman dahulu lagi. Manusia dan rumah sememangnya tidak dapat dipisahkan. Hal ini kerana rumah merupakan tempat untuk manusia berlindung dan berteduh daripada ancaman dan bahaya sama ada yang dirancang mahupun tidak dirancang. Dalam pada itu, rumah juga didirikan atau dimiliki oleh seseorang individu atau sekelompok kumpulan masyarakat bersesuaian dengan taraf kehidupan mereka. Ianya boleh dilihat perbezaan rumah yang diduduki oleh setiap manusia di muka bumi ini. Isu setinggan sememangnya mendapat perhatian utama dalam melihat isu kemiskinan khususnya di bandar. Walaupun Kota Kinabalu merupakan sebuah bandaraya yang besar di Sabah, akan tetapi kewujudan setinggan di kawasan sekitar bandaraya ini terlalu sukar untuk dikawal. Setinggan merupakan masalah sejagat sepertimana masalah kemiskinan kerana kedua elemen ini mempunyai saling hubung kait yang erat (Mohd Taib, 2000). Kawasan setinggan ini diumpamakan sebagai perumahan haram disebabkan oleh seluruh daripada bentuk atau objek yang didirikan oleh seseorang atau sekelompok individu itu tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa termasuklah tanah tempat perumahan setinggan didirikan dan bentuk serta binaan rumah yang dibina tidak mengikut spesifikasi serta bahan dan binaan yang diluluskan (Utusan Malaysia, 2005).

Kegiatan setinggan ini sering dikaitkan dengan masalah jenayah dan kewujudan setinggan ini menjadi perhatian khususnya pihak kerajaan. Mohd. Taib (2000) menyatakan setinggan adalah cermin atau model kemiskinan bandar tidak kira di negara maju atau negara membangun sekalipun. Pihak penguatkuasa DBKK telah berusaha dalam mencapai dasar setinggan sifar dianggap sebagai satu langkah yang efektif. Namun begitu, tidak ada seorang pun dapat menjamin sama ada langkah ini akan mencapai matlamat yang sepatutnya dicadangkan sebelum ini atau sebaliknya. Hal ini disebabkan oleh, isu setinggan ini bagaikan cendawan

tumbuh selepas hujan. Isu ini semakin meningkat dan dipandang serius dengan pertambahan pendatang tanpa izin yang sukar dikawal tanpa bantuan dari semua pihak. Pengurusan migrasi merupakan sesuatu tanggungjawab yang kompleks dan mempunyai cabaran yang tinggi ditambah dengan factor keadaan geopolitik dan budaya yang amat menyukarkan pihak berkuasa untuk mengawal pengaliran warga asing terutama pendatang tanpa izin (Kanapathy, 2008).

Oleh sebab itu, pihak penguatkuasa DBKK telah sedaya-upaya menjalankan pelbagai strategi untuk menangani isu setinggan ini daripada terus berlarutan dalam era globalisasi ini. Ianya cuba meneliti cabaran yang dihadapi oleh pihak penguatkuasa ini yang mana terdapat beberapa cabaran yang sering kali dikaitkan dalam usaha menangani isu ini. Namun dalam masa yang sama, kawasan setinggan ini perlu dipantau dari semasa ke semasa kerana kegagalan untuk membantu sebahagian daripada penduduk sementara di Sabah ini berkemungkinan besar akan menyebabkan mereka terdedah kepada aktiviti-aktiviti tidak sihat, menjejaskan ekonomi serta kesejahteraan negara khususnya di negeri Sabah.

Sorotan Literatur dan Definisi Konsep Utama

Setinggan

Setinggan bermaksud apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, sengkup, tempat perteduhan, kurungan beratap atau apa-apa sambungan atau binaan yang bercantum kepada sesuatu bangunan atau binaan lain yang dibuat daripada apa-apa juga bahan sama ada ianya digunakan sebagai tempat kediaman manusia atau sebaliknya yang telah dibina atau dalam proses pembinaan mengikut apa-apa cara melainkan pelan yang diluluskan oleh pihak kerajaan tempatan dan terletak dalam peraturan Tanah Ordinan (Kuasa Perlu 1969) (Laporan Tahunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 2019). Selain itu, ianya merupakan salah satu dari jenis rumah yang didiami manusia sebagai tempat perlindungan haram yang didirikan tanpa kebenaran dari pihak berkuasa (Mohamed Bin Ismail, 2005). Dengan pendirian rumah tanpa kebenaran pihak berkuasa ini telah menyebabkan komuniti di kawasan ini sering kali dikaitkan dengan masalah jenayah. Sebagai contoh, mencuri dan kegiatan menghisap dadah.

Penduduk Setinggan

Penduduk setinggan pula bermaksud individu atau sekelompok masyarakat yang sebenarnya menduduki tanah atau bangunan yang berkenaan sama ada orang yang menjaga, mengurus atau mengawal premis itu untuknya atau sebagai agen atau orang tengah kepada orang lain. Penduduk setinggan yang berada di Kota Kinabalu ini adalah penduduk yang mempunyai dokumen pengenalan diri. Antara dokumen diri penduduk setinggan ialah kad pengenalan biru, kad pengenalan merah, surat Jabatan Ketua Menteri, passport, IMM13P, pelahu, sijil lahir dan Jabatan Pendaftar Negeri (Laporan Tahunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 2019). Kewujudan petempatan setinggan disebabkan beberapa faktor ekonomi dan sosial seperti penghijrahan golongan berpendapatan rendah ke kawasan bandar untuk meraih peluang mencari penghidupan yang lebih baik tetapi gagal mendapatkan perumahan yang berkualiti serta mampu dimiliki atau dibeli oleh mereka (Halizah Binti Sipun, 2010). Ini menyebabkan longgokan penduduk setinggan berlaku dalam negara khususnya di kawasan bandar.

Sektor Penguatkuasaan

Sektor ini telah digunapakai secara tidak langsung sebelum zaman kemerdekaan lagi. Ianya juga merupakan sebuah badan yang berkaitan dalam memastikan undang-undang sentiasa dipatuhi oleh masyarakat sekeliling. Di Malaysia, aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dijalankan oleh jabatan-jabatan atau bahagian-bahagian tertentu di dalam sesebuah kementerian dengan tujuan mengawasi perkara-perkara yang diamanahkan oleh badan kerajaan (N Mat Rozi, 2003). Selain itu, perkataan penguatkuasaan bermaksud satu tindakan untuk memastikan orang ramai mematuhi undang-undang atau peraturan tertentu yang dijalankan oleh pihak berkuasa awam yang dikategorikan sebagai law enforcement officer=members of the police force, the drugs squad (S Haji Gemok, 2010).

Ulasan Kajian Lepas

Kajian yang dilakukan Hamidi Ismail, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Raman Mariyappan dalam Sikap Komuniti Setinggalan Tebingan Sungai: Pencemaran Alam Sekitar dan Pengurusannya pada tahun 2011 yang mana penulis cuba merungkai isu berkaitan dengan kelompok setinggalan yang terlibat secara langsung dalam pencemaran sungai di kawasan tebingan sungai. Kewujudan setinggalan di kawasan kajian telah menyebabkan kemerosotan sistem saluran air kepada penduduk setempat. Dalam pada itu, pembentukan komuniti setinggalan di kawasan kajian menunjukkan pihak setinggalan seolah-olah cuba mencabar perundangan negara atau jabatan-jabatan yang terlibat dalam pembangunan negara. Tidak dinafikan kewujudan setinggalan dalam era globalisasi ini disebabkan oleh dua faktor iaitu faktor tarikan dan faktor tolakan yang mana mereka menyedari akan kesusahan hidup di negara mereka hingga menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk berhijrah ke Malaysia. Oleh sebab itu, isu setinggalan sering berkait rapat dengan air kerana kebanyakan mereka akan mendirikan rumah atau pondok di tapak air bagi memudahkan mereka mendapat keperluan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Mohamed Bin Ismail pada tahun 2015 dalam Setinggalan Dan Permasalahannya Serta Penyelesaian Ke Arah Setinggalan Sifar yang mana penulis menggunakan penyelidikan kualitatif. Kajian ini dijalankan di Selangor. Dalam kajian ini penyelidik mengupas berkaitan dengan masalah setinggalan yang seringkali dikaitkan dengan kegiatan tidak bermoral seperti pergaulan bebas, kumpulan penjenayah serta sering kali menjadi kanchah penagih dadah. Kerajaan negeri Selangor telah membuat satu dasar yang dikenali sebagai "Program Setinggalan Sifar 2005". Dalam pada itu, kerajaan negeri khususnya Selangor wajar meluluskan pemberian tanah kepada pemaju yang berminat membina rumah kos rendah untuk penempatan penduduk setinggalan. Namun begitu, strategi kerajaan Selangor dalam mengurangkan masalah setinggalan tetap menjadi persoalan. Hal ini kerana, isu setinggalan bukanlah suatu isu yang baru. Dengan itu, pertambahan penduduk setinggalan ini dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Oleh sebab itu, tiada siapa dapat menjamin bahawa dasar ini akan mencapai matlamat dengan jayanya disebabkan setinggalan tumbuh umpama cendawan selepas hujan.

Kajian yang dilakukan oleh Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Ramli Dollah dalam Impak Kehadiran Pendatang Filipina Di Kampung-Kampung Air: Satu Tinjauan Di Sabah pada tahun 2005 dimana penulis meninjau impak kehadiran pendatang baharu ke Sabah. Kajian ini juga berfokuskan kepada penduduk yang berasal dari Filipina untuk membina kediaman

mereka di kawasan kampung air yang terdapat di kebanyakan bandar. Antara bandar yang menjadi tumpuan seperti Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Semporna dan Kota Kinabalu. Kedatangan penduduk dari negara jiran ini telah merubah kehidupan dan persepsi penduduk tempatan kerana penduduk tempatan acap kali berpendapat bahawa kedatangan penduduk dari negara Filipina ini mendatangkan masalah negatif di negeri Sabah. Kedatangan mereka sekaligus tertumpu dikawasan kampung air atau tapak perumahan atas air. Tidak dinafikan kedatangan mereka ke Sabah disebabkan oleh daya tarikan pekerjaan serta pegolakan politik yang berlaku di Filipina. Namun begitu, kehadiran mereka telah menyebabkan penempatan kampung air yang memberikan ancaman besar kepada keselamatan penduduk tempatan.

Selain itu, penulis Mohd Elmi Fauzan Bin Md Jamil dalam Strategi Pemberimilikan Tanah Dalam Konteks Penyelesaian Setinggalan pada tahun 2019 yang membincangkan peranan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam menyelesaikan masalah setinggalan di atas tanah milik persendirian di Kampung Bagan Lalang, Mukim Hutan Melintang, Daerah Bagan Datuk dengan keluasan lebih kurang 225 ekar. Terdapat tiga objektif yang menjadi panduan untuk penulis iaitu mengenalpasti kaedah penyelesaian setinggalan di atas tanah milik persendirian, mengkaji faktor yang mempengaruhi PBN memilih kesesuaian kaedah penyelesaian tersebut dan mengkaji kesesuaian kaedah yang diambil bagi menyelesaikan masalah setinggalan di atas tanah milik persendirian. Hasil daripada kajian ini menemui pemilik tanah menyerahkan semua tanah tersebut kepada pihak kerajaan untuk dijadikan sebagai penempatan baru untuk penduduk setinggalan. Namun begitu, wujud isu dan permasalahan yang membawa kepada penemuan pelbagai punca yang mempengaruhi Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk memilih pemberimilikan tanah di Kampung Bagan Lalang. Dalam pada itu, hasil daripada objektif kajian ketiga telah menunjukkan bahawa kaedah pemberimilikan tanah dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat iaitu penduduk setinggalan, pihak pemilik tanah asal dan pihak Kerajaan Negeri. Oleh sebab itu, campur tangan Pihak Berkuasa Negeri sangat diperlukan untuk memastikan strategi yang dibuat dapat menyelesaikan masalah setinggalan sekaligus dapat mencapai matlamat dalam Program Setinggalan Sifar.

Di samping itu, dalam Tahap Pengetahuan dan Kepentingan Kepada Penduduk Terhadap Kriteria dan Kelayakan Permohonan Program Penempatan Semula di Kudat, Sabah yang ditulis oleh Jabil Mapjabil, Mohammad Kadir Zainal Abidin, et.al pada tahun 2021 yang mana isu penempatan semula komuniti setinggalan ke satu penempatan baru yang menjadi isu utama dalam artikel ini. Kurang kecekapan dalam menyampaikan maklumat yang sahih daripada pihak berkuasa tempatan telah menyebabkan masalah kepada penduduk setempat siapa yang perlu dirujuk untuk mendapatkan penempatan baru. Oleh sebab itu, penulis cuba meneliti tahap pengetahuan dan kepentingan kepada penduduk terhadap kriteria dan kelayakan permohonan program penempatan semula di Kampung Tanjung Kapor Kudat, Sabah. Program penempatan semula yang dijalankan ini merupakan salah satu alternatif kerajaan untuk menyelesaikan isu setinggalan. Kriteria untuk mendapatkan penempatan semula perlu diambil kira dalam aspek kewarganegaraan, pemohon yang tidak mempunyai kediaman dan mereka yang mempunyai pendapatan rendah. Namun begitu, tahap pengetahuan yang sederhana untuk mendapatkan maklumat yang lengkap telah membatasi komuniti setinggalan untuk mendapatkan penempatan semula dan selesai. Oleh sebab itu, pelaksanaan dasar kerajaan perlu dipertingkatkan sekaligus diperhalusi untuk menjadi petunjuk yang sahih kepada komuniti. Langkah penambakan polisi juga perlu dilakukan supaya lebih efektif dan efisien.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual mendalam berkaitan dengan strategi dan cabaran sektor penguatkuasa dalam menangani isu setinggan di DBKK. Dalam penyelidikan ini, penyelidik turun sendiri ke kawasan kajian selama tiga bulan untuk melihat sendiri interaksi yang wujud antara migran dan penduduk tempatan serta proses akulturasi yang mengubah budaya dan identiti migran. Pemerhatian ini juga dijalankan pada awal penyelidikan sebelum menemui bual informan untuk mengenal dengan lebih dekat kawasan kajian dan penduduk di kawasan kajian.

Penyelidik menggunakan temubual mendalam berdasarkan soalan yang sesuai mengikut objektif yang telah ditetapkan. Melalui temubual ini, apa sahaja yang dibincangkan atau dikemukakan oleh informan merupakan maklumat yang penting dalam kajian yang berbentuk percakapan dua arah dalam suasana akrab dan informal yang membolehkan informan selesa berbicara dengan penyelidik. Informan dipilih daripada kalangan penjawat awam yang bekerja di Bahagian Setinggan dan Tugas Khas, Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dengan gred jawatan yang berbeza. Data sumber sekunder daripada artikel jurnal, buku rujukan akademik dan akhbar dalam talian digunakan secara meluas dalam penulisan makalah ini.

Jadual 1: Profil Informan Jabatan Penguatkuasa

Informan	Jawatan	Jantina	Umur
1	Pegawai Penguatkuasa Setinggan dan Tugas Khas	Lelaki	46 Tahun
2	Penolong Pegawai Penguatkuasa Setinggan dan Tugas Khas	Lelaki	54 Tahun
3	Anggota Penguatkuasa	Perempuan	38 Tahun

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Strategi Sektor Penguatkuasa Dalam Menangani Isu Setinggan Di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

i. Pemantauan harian dari semasa ke semasa.

Pemantauan yang dilakukan oleh bahagian ini dijalankan setiap hari mengikut jadual yang disediakan oleh pihak pejabat dalam bahagian ini. Jadual yang dibuat juga adalah merupakan jadual harian dan bulanan. Dalam menangani isu setinggan ini, jadual pemantauan telah dilakukan atas arahan Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Datuk Bandaraya Kota Kinabalu. Pemantauan ini dijalankan bagi menghalang pembinaan rumah baharu atau penambahan penduduk setinggan. Melalui strategi ini juga memperlihatkan pemantauan bukan sahaja berfokus kepada aduan orang awam sahaja. Akan tetapi ianya lebih menyeluruh kerana mempunyai penugasan harian dimana jika terdapat rumah setinggan yang baru didirikan, maka tindakan susulan akan dilakukan oleh anggota bahagian setinggan.

“kita perlu buat pemantauan setinggan kita adakan setiap hari. Bukan juga dengan aduan awam sahaja kita periksa tetapi mengikut kita punya jadual penugasan harian”

(Informan 1, 46 tahun)

“Kita mempunyai kerjasama yang tetap dengan semua jabatan di DBKK ini dan kita sentiasa buat pemantauan bersama. Malah, kita buat perobohan bersama dengan jabatan-jabatan yang berkaitan seperti jabatan perancang bandar kita teruskan juga tanpa sebarang masalah.”

(Informan 2, 54 tahun)

Bagi memastikan strategi ini berjalan dengan lancar, anggota bahagian setinggan akan menyelidik dari semasa ke semasa sebelum melaksanakan langkah seterusnya. Bentuk komunikasi dengan penduduk setinggan semasa pemantauan lebih kepada komunikasi secara soal selidik untuk tidak menimbulkan sebarang permasalahan antara penduduk setinggan dan juga anggota Penguatkuasa. Hal ini disebabkan dikhuatiri penduduk setinggan melakukan tindakan di luar jangkaan.

ii. Tindakan undang-undang

Tindakan undang-undang ini melalui pemantauan yang mengenakan saman kompaun ke atas setinggan-setinggan yang wujud. Undang-undang yang digunakan oleh Anggota Bahagian Setinggan ini lebih kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu 1991 (Seksyen 2) yang memperuntukkan mana-mana bentuk bangunan ataupun kawasan binaan lain yang didirikan tanpa kelulusan DBKK akan diambil tindakan dengan segera. Saman kompaun ini diberikan kepada pemilik-pemilik rumah setinggan. Saman kompaun ini terbahagi kepada dua iaitu setinggan pemilik rumah dan juga setinggan perniagaan. Setinggan perniagaan ini bermaksud individu atau masyarakat yang membina pondok atau bangunan jualan tanpa kebenaran DBKK di dalam kawasan setinggan. Tindakan saman kompaun kepada setinggan perniagaan ini akan dikenakan undang-undang kecil perniagaan kerana menjalankan perniagaan kedai runcit tanpa lesen dan tindakan segera diambil dengan menyita barang-barang runcit serta saman kompaun dibawah undang-undang kecil anti sampah-sarap.

“Kalau dia membuka kedai runcit, kita gunakan undang-undang kecil perniagaan iaitu menjalankan perniagaan kedai runcit tanpa lesen dan kita boleh ambil tindakan teruslah dengan sita barang runcitnya dan kita kenakan kompaun lagi dibawah undang-undang kecil anti sampah-sarap.”

(Informan 1, 46 tahun)

“Kalau macam kita di Bahagian Setinggan dan Tugas-Tugas Khas kita punya tugas ialah memantau Kawasan-kawasan setinggan. Kita mengeluarkan kompaun ke atas rumah-rumah setinggan.”

(Informan 2, 54 tahun)

Saman kompaun yang dikenakan kepada pemilik rumah setinggan sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia) sahaja. Ianya dikeluarkan dengan saman kompaun untuk satu buah rumah

sahaja. Dengan pengeluaran saman kompaun untuk pemilik rumah setinggan, mereka diberi tempoh selama sebulan untuk menjelaskan saman kompaun mereka di kaunter pembayaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

“Selain pemantauan, kita mengeluarkan juga kompaun ke atas setinggan-setinggan yang wujud dimana kompaun ini dikeluarkan kepada pemilik-pemilik rumah lah di kawasan setinggan dan jumlah kompaun yang diberikan mengikut kita punya undang-undang kecil dalam RM100 ringgit lah sebulan.”

(Informan 1, 46 tahun)

Semua agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung berkenaan dengan isu setinggan dalam kawasan Bandaraya Kota Kinabalu perlulah mengambil apa juga tindakan undang-undang terutama yang melibatkan setinggan pendatang tanpa izin. Jika hanya undang-undang kecil DBKK sahaja digunakan untuk menangani isu setinggan ini, ianya tidak dapat diselesaikan secara berterusan kerana DBKK hanya menggunakan undang-undang kecil sahaja bukan undang-undang menyeluruh.

iii. Tindakan perobohan segera

Sebelum melakukan perobohan Kawasan setinggan, pemantauan akan dilakukan oleh anggota penguatkuasa bahagian setinggan. Pemantauan yang dijalankan sama ada melalui aduan awam ataupun mengikut jadual penugasan. Selain daripada itu, tindakan perobohan segera ini juga adalah berdasarkan arahan daripada pihak atasan iaitu Mayor Bandaraya dan Pengarah Penguatkuasa. Selepas anggota mendapat arahan untuk melakukan perobohan ke atas kawasan setinggan tersebut, anggota akan datang ke kawasan setinggan itu untuk memberikan notis bahawa perobohan akan dijalankan mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh arahan pihak atasan sendiri. Tempoh pengosongan kawasan adalah paling awal 14 hari dari tempoh penyerahan notis dan paling lambat adalah 30 hari. Semasa penghantaran notis, anggota juga memberikan peringatan kepada penduduk setinggan supaya mengosongkan kawasan setinggan itu sendiri mengikut tempoh masa yang telah diberikan. Jika penduduk setinggan gagal berbuat demikian dan berkeras untuk tinggal di kawasan tersebut, maka perobohan akan tetap dijalankan. Sebarang benda berharga atau hak milik mereka dibawah tanggungjawab mereka sendiri. Ini disebabkan oleh, notis telah diberikan seawal yang mungkin oleh anggota Bahagian Setinggan untuk mengelak daripada berlaku pertengkaran antara penduduk setinggan dengan anggota.

“Selain daripada kompaun kita terus akan mengambil tindakan pencerobohan ke atas semua rumah setinggan. Notis dikeluarkan bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Tanah dan Ukur dan juga Jabatan Kerja Raya siapa pemilik tanah maksudnya kalau dia didirikan di lot resot JKR akan keluarkan notis lah.”

(Informan 1, 46 tahun)

“Kita ada berikan beberapa tempoh. Yang pertama, kita beri 14 hari dan ada satu tempoh lagi kita berikan dalam tempoh 30 hari. Bagaimana tempoh ini diberikan melalui arahan daripada kita punya Mayor Bandaraya. Sekiranya Kawasan yang kita robohkan memerlukan perobohan dalam masa yang terdekat, kita akan bagi notis 14 hari itu. Sekiranya tempat yang kita roboh menggunakan masa lama sedikit, maka kita akan guna tempoh yang 30 hari itulah.”

(Informan 3, 38 tahun)

Perobohan terhadap rumah setinggan yang dikosongkan secara sengaja atau penghuni dalam rumah tersebut melarikan diri dengan membiarkan rumah dalam keadaan tidak berkunci, maka perobohan akan serta-merta dilakukan untuk memberi peringatan kepada penduduk setinggan yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Dengan cara penduduk setinggan itu melarikan diri dengan membiarkan rumah mereka kosong, maka pihak Penguatkuasa dapat mengenalpasti penduduk itu sama ada mempunyai dokumen ataupun tidak. Ini memperlihatkan kerjasama daripada pelbagai jabatan kerajaan seperti Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Air Sabah, PDRM, SESB dan RELA amat membantu dalam tindakan perobohan segera.

“Bantuan daripada agensi yang berkaitan seperti polis, SESB, Jabatan Air ataupun Jabatan Tanah memang diperlukan sebab kita perlu agensi ini sebab anggota Jabatan Penguatkuasa dia perlukan bersepadu. Kerjasama bersepadu sebab dia berkaitan dengan tugas masing-masing jawatan tersebut. Macam contohnya, penguatkuasa kita akan buat perobohan rumah-rumah, menghantar notis terus mengeluarkan kompaun. Pihak polis dia akan membantu dari segi kawalan keselamatan sebab anggota Penguatkuasa tidak mempunyai senjata. Jadi kita perlu bantuan anggota polis untuk keselamatan. Okay. Kalau melibatkan SESB jika melibatkan penyambungan elektrik secara haram. Kita perlu meminta mereka untuk membuat pemutusan atau pemotongan bekalan elektrik sebab kita tidak mempunyai kuasa tentang wayar tersebut. Begitu juga dengan Jabatan Air, sama juga dengan Jabatan Tanah dan Ukur. Kita perlu Jabatan Tanah dan Ukur untuk mengenalpasti sama ada Kawasan-kawasan kita masuk itu dimiliki oleh pihak kerajaan ataupun pihak syarikat ataupun pihak individu.”

(Informan 2, 54 tahun)

“Tugas DBKK merobohkan tetapi jika kita tidak membawa contohnya Jabatan Tanah dan Ukur, tanah itu kita tidak tahu milik siapa. Sebab DBKK tidak memegang mana-mana rekod untuk Kawasan tanah. Itu adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Tanah dan Ukur. Kita kena membawa dorang lah untuk tahu sempadan tanah. Siapa pemilik tanah. Begitu.”

(Informan 3, 38 tahun)

Tidak dapat dinafikan bahawa setakat ini, agensi-agensi kerajaan yang berkenaan sentiasa memberikan kerjasama yang begitu menggalakkan kepada Sektor Penguatkuasa Bahagian Setinggalan semasa operasi perobohan. Oleh itu, pertumbuhan struktur-struktur yang didirikan tanpa kelulusan oleh penduduk setinggalan terutama yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri pastinya dapat dikawal dari semasa ke semasa.

iv. Program Setinggalan Sifar Menjelang Tahun 2020

Setinggalan di kawasan bandaraya Kota Kinabalu ini terlalu banyak diwujudkan yang melibatkan ratusan buah rumah dan penduduk. Sebagai contoh, Bukit Nenas sahaja mempunyai bilangan penduduk setinggalan warga tempatan yang terlalu ramai berbanding dengan bukan warganegara. Manakala dikawasan luar bandar pula sebaliknya dimana peningkatan setinggalan bukan warganegara lebih banyak berbanding dengan warga tempatan.

“Itu sasaran dia. Itu hanya sasaran pada tahun 2020 tapi kita tidak tahu lagi sebab tinggal setahun lagi. Kita punya pencapaian pun okay juga tapi isu kita sekarang bila kawasan kita dibanjiri dengan warga asing. Itu ja masalah dia. Kebanjiran ini terutamanya dari negara jiran kita iaitu Filipin.”

(Informan 2, 54 tahun)

Hal ini disebabkan oleh keadaan persekitaran penduduk setinggalan yang membolehkan mereka berfikir dan bertindak bahawa di kawasan bandar terlalu bahaya untuk mereka tinggal kerana operasi bersepadu yang melibatkan semua agensi penguatkuasa sukar untuk dikesan lebih awal. Pihak-pihak yang berkaitan juga perlu mempunyai langkah yang lebih efektif kerana program yang ingin dijalankan ini hanya mengambil masa 4 bulan sahaja lagi menjelang tahun 2020. Walaubagaimanapun, ini merupakan sasaran pihak kerajaan untuk membasmi masalah setinggalan pada masa kini. Menurut responden, strategi program ini akan dilaksanakan dalam masa seminggu dan dikendalikan oleh pihak penguatkuasa bahagian setinggalan dengan kerjasama Jabatan Sumber Manusia DBKK. Ini merupakan sasaran utama dan program yang terbaru untuk mengurangkan setinggalan khususnya di kawasan bandaraya Kota Kinabalu. Namun begitu, tarikh tersebut berkemungkinan akan diubah dari semasa ke semasa mengikut arahan daripada pengarah penguatkuasa sendiri.

“Program kalua saya tidak silap Setinggalan Sifar. Tapi mungkin akan diubah daripada semasa ke semasa mengikut kita punya arahan Pengarah.”

(Informan 1, 46 tahun)

v. Peranan Agensi Kerajaan dan Swasta

Pihak kerajaan dan swasta perlulah berganding bahu untuk mendirikan lebih banyak rumah-rumah kos rendah yang mampu dibeli oleh golongan yang berpendapatan rendah dan penduduk-penduduk setinggalan yang mendiami kawasan setinggalan. Penyelesaian rumah kos rendah yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah untuk disewa dalam kawasan bandaraya kota Kinabalu. Hal ini disebabkan oleh penduduk setinggalan mendirikan rumah dikawasan

bukan hak milik mereka tanpa dikenakan sebarang bayaran kepada pemilik tanah. Untuk menyelesaikan terhadap masalah itu dan bertindak secara adil adalah lebih baik rumah kos rendah dan mampu milik diwujudkan khususnya bagi penduduk setinggan yang mempunyai dokumen diri.

“Kita akan menyediakan prasarana seperti yang saya cakap tadi. Contohnya rumah macam tu dengan rumah kos rendah seperti LPBB. Kita ada kerjasama dengan LPBB; Lembaga Perumahan untuk menyediakan rumah kos rendah kepada penduduk-penduduk iaitu sekadar sewa. Rumah ini disewa setiap bulan. Kadar sewa anggaran RM130 untuk sebulan. Dia meliputi satu buah rumah bertingkat dan ada 3 buah bilik.”

(Informan 3, 38 tahun)

Strategi ini juga lebih tertumpu kepada Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (PBT). Hal ini disebabkan oleh, setiap tahun kerajaan akan mengumumkan dana bagi membina kawasan penempatan untuk golongan yang kurang berkemampuan. Antara contoh projek perumahan kos rendah yang telah dibina oleh kerajaan adalah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Untuk mendapatkan rumah kos rendah ini adalah penghuni setinggan yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Hanya mereka penduduk tempatan yang mempunyai dokumen yang sah sahaja diberi keistimewaan untuk mendapat rumah kos rendah dan sebahagiannya memerlukan penapisan serta siasatan untuk memberikan kemudahan setanding dengan penduduk tempatan.

Cabaran Sektor Penguatkuasa Dalam Menangani Isu Setinggan Di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

Cabaran Dalaman

i. Kekurangan anggota dan kakitangan

Buat masa ini, Bahagian Setinggan dan Tugas Khas Jabatan Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kota Kinabalu hanya mempunyai kekuatan anggota seramai 14 orang sahaja termasuklah kakitangan dalam pejabat bahagian itu sendiri. Dengan jumlah anggota yang terhad, aktiviti pemantauan dan perobohan ke atas struktur-struktur yang didirikan tanpa kelulusan DBKK dalam kawasan Bandaraya Kota Kinabalu tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan memandangkan kawasan liputannya yang begitu luas dan jumlah rumah setinggan yang besar yang melibatkan ribuan buah rumah.

“Kalau ikut setinggan ini seratus peratus untuk hapus itu mungkin akan mengambil masa yang lama sebab kita perlukan keanggotaan yang ramai, peralatan yang mencukupi.”

(Informan 2, 54 tahun)

“Kalau dari segi anggota mungkin pihak DBKK atau unit setingan kekurangan anggota untuk memantau seluruh kawasan kerana terlalu banyak penempatan setingan yang orang kata illegal dan perlu sentiasa di pantau. Dan kita mempunyai kesukaran untuk memantau keseluruhan dan salah satu masalah dia keselamatan anggota tidak terjamin dan perlu ada kerjasama daripada pihak polis.”

(Informan 1, 46 tahun)

Dalam masa yang sama, anggota bahagian setingan yang sedia ada perlu didedahkan dengan kemahiran tertentu semasa melaksanakan kerja perobohan dan mengetahui serba sedikit mengenai rawatan kecemasan. Dengan adanya kemahiran tersebut, ia pastinya akan membantu meningkatkan kecekapan anggota bahagian setingan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

ii. Ancaman keselamatan anggota penguatkuasa

Pelbagai ancaman yang melibatkan keselamatan diri mereka sama ada ketika penghantaran notis perobohan dibuat sehinggalah semasa dan selepas operasi perobohan ke atas struktur-struktur yang didirikan tanpa kebenaran. Ianya juga dilihat semasa menjalankan tugas dimana anggota ini mempunyai risiko dengan renjatan elektrik kerana di kawasan setingan penduduk terpaksa mencuri bekalan elektrik dan mana-mana setingan juga terdapat wayar yang disambung dalam keadaan yang tidak teratur dan boleh menyebabkan ancaman kepada anggota-anggota yang terlibat semasa perobohan berlaku. Semasa berada di kawasan sekitar rumah setingan juga, risiko terpijak paku dan terhempap rumah juga amat dititik beratkan ketika menjalankan tugas.

“Semasa menjalankan tugas kita mempunyai risiko renjatan elektrik, risiko terpijak paku, terhempap rumah yang kita robohkan. Begitu. Tetapi risiko selepas perobohan itu kita tidak ada mana-mana cabaran melainkan ianya hanya cabaran sebagai kalau kita menjadi sebuah agensi penguatkuasa kita akan risau wajah kita dikecam oleh pesalah-pesalah yang kita hukum. Contohnya, rumah yang kita roboh macam tu. Kita risau jika kita di sesuatu tempat, mereka mengenali kita, nyawa kita terancam. Nyawa yang kita bawa itu terancam.”

(Informan 3, 38 tahun)

Oleh sebab itu, sebelum melakukan perobohan ke atas kawasan setingan, bahagian setingan dan tugas khas mengambil langkah proaktif dengan memberikan notis dan rundingan secara aman dalam kalangan penduduk setingan. Kadangkala komunikasi yang baik dapat membuka ruang kepada penghuni rumah setingan untuk mereka berpindah atau mengosongkan kawasan setingan itu tanpa anggota penguatkuasa melakukan perobohan apabila tempoh yang ditetapkan telah pun tiba untuk dirobohkan.

Cabaran Luaran

i. Campur Tangan Politik

Tidak dapat dinafikan bahawa semasa operasi perobohan ke atas sesebuah kawasan setinggan dalam jadual penugasan yang sepatutnya dilaksanakan oleh bahagian setinggan akan menjadi sukar apabila terdapatnya campur tangan politik. Ianya berlaku secara langsung mahupun tidak langsung. Ada dalam kalangan penduduk setinggan yang ingin melibatkan campur tangan politik dengan mengadakan provokasi supaya kawasan setinggan mereka tidak dirobohkan.

“Campur tangan pihak politik yang kita maksudkan adalah apabila kita merencanakan menjadual perobohan pada Tarikh-tarikh sedemikian biasanya kita akan meroboh di Kawasan sesuatu tempat itu dalam masa 2 hari paling minimum dan ada yang mengambil masa 1 minggu. Dan apabila kita telah sampai ke tempat yang kita tetapkan, hari pertama ada sedikit kekerasan seperti yang saya cakap tadi. Dan pada keesokan harinya aka nada campur tangan daripada pihak politik dimana penduduk-penduduk kampung ini beramai-ramai secara berkelompok akan berunding dengan ahli politik memohon merayu agar Kawasan rumah mereka tidak dirobohkan. So pada hari kedua kita datang dengan arahan serta merta kita dapat arahan perobohan itu dibatalkan dan tidak jadi dirobohkan.”

(Informan 3, 38 tahun)

Hal ini dapat dibuktikan oleh responden semasa perobohan yang berlaku di Setinggan Gorok pada tahun 2016 dimana penduduk setinggan ini membawa sepanduk agar kawasan setinggan mereka tidak dirobohkan.

“Kita ada kes juga melibatkan campur tangan politik dan juga provokasi daripada penduduk seperti di Setinggan Gorok merupakan tanah persendirian dari semasa ke semasa kita mengadakan perobohan dan mereka pun berkumpul beramai-ramai dan menunjukkan sepanduk mereka bahawa tanah tersebut adalah milik mereka. Tetapi setelah diperiksa dan hasil siasatan mendapati tanah tersebut tanah persendirian dan telah dijual kepada syarikat lain. So, selepas itu setelah berbincang dengan penduduk disana dan mereka akur dan kawasan mereka pun telah dirobohkan.”

(Informan 1, 46 tahun)

Ini telah menyukarkan anggota penguatkuasa kerana terpaksa berunding dengan cara baik dan proses perobohan setinggan tersebut terpaksa ditangguhkan untuk memberi ruang kepada Jabatan Tanah dan Ukur untuk menjalankan siasatan bahawa tanah yang mereka duduki itu milik siapa. Akhirnya, setelah mendapat keputusan yang menunjukkan bahawa tanah itu yang penduduk Setinggan Gorok itu miliki adalah tanah yang telah dijual kepada syarikat lain, maka mereka terpaksa akur dan perobohan dijalankan secara serta-merta. Dengan adanya gangguan seumpama ini, DBKK sudah pasti menghadapi kesulitan dalam melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan sebagaimana yang telah diharapkan oleh kerajaan secara amnya.

ii. *Wujudnya Setinggalan Profesional Dan Politik*

Terdapat beberapa orang yang menjadi dalang dalam parti politik tersebut dengan menjual nama ahli parti politik untuk kepentingan mereka sendiri. Dengan adanya kes sedemikian, nama ahli parti politik itu akan terjejas dan memberi impak untuk masa akan datang. Menurut penjelasan segelintir penduduk yang telah disoal oleh anggota penguatkuasa yang mana mereka menyatakan bahawa kebiasaannya terdapat ketua-ketua kampung dan ketua-ketua bahagian parti politik yang terlibat dalam perkara ini. Kajian kes ini dapat dibuktikan pada tahun 2019 yang mana ketika itu akan berlaku perobohan beberapa buah rumah setinggalan terdahulu dan kemudiannya akan dirobuhkan secara menyeluruh di kawasan Setinggalan Belakang Alamesra. Apabila agensi penguatkuasa iaitu Bahagian setinggalan DBKK, Polis bagi kawalan keselamatan dan SESB bagi memeriksa jika berlaku kecurian bekalan elektrik sampai di kawasan yang ingin dirobuhkan, penduduk kawasan setinggalan itu mengeluarkan kata-kata yang penuh emosi marah dengan menyatakan bahawa kawasan setinggalan mereka tidak boleh dirobuhkan. Semua anggota penguatkuasa terpaksa menunggu untuk berunding dan melihat bukti-bukti yang telah ditunjukkan oleh penduduk kampung setinggalan itu. Setelah melihat bukti tersebut, pegawai yang telah mengetuai operasi perobohan itu telah memanggil orang politik itu untuk diselidik lebih lanjut. Setelah berbincang dengan lebih lanjut, pegawai yang mengetuai operasi perobohan tersebut terpaksa menunda perobohan itu untuk dibincangkan semula dengan Mayor Bandaraya Kota Kinabalu untuk siasatan yang lebih terperinci. Penglibatan orang-orang tertentu ini yang sepatutnya bertanggungjawab untuk memastikan perkara seumpama itu tidak berlaku dan ini sekaligus telah membebankan dan menyulitkan usaha DBKK dalam mengatasi masalah pembinaan struktur-struktur yang didirikan tanpa kebenaran bermasuklah permasalahan mengenai setinggalan.

Perbincangan

Keputusan kajian yang diperoleh ini turut mengukuhkan dapatan kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik dahulu. Sememangnya isu setinggalan ini sudah lama dibahas dan sukar dibasmi tanpa kerjasama yang utuh daripada semua pihak sama ada kerajaan mahupun pihak swasta. Fenomena setinggalan ini menjadi masalah utama lagi dengan gambaran yang sering bercanggah dengan nilai-nilai kehidupan yang ideal. Hal ini dapat dilihat dengan wujudnya kawasan-kawasan setinggalan, maka kadar jenayah di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu dan luar bandar juga sukar untuk ditumpaskan oleh pihak yang berkaitan. Selain daripada jenayah, ianya juga dapat dilihat melalui penularan wabak penyakit berbahaya dengan kewujudan tempat nyawuk Aedes dan menyebabkan penyakit denggi serta sampah-sarap yang dibuang merata-rata tempat. Jika setinggalan ini tidak dapat dikurangkan dengan lebih awal, maka banyak penempatan baru setinggalan akan dibuka dan ianya sukar untuk dikawal oleh pihak DBKK.

Melalui kemudahan asas yang terdapat di kawasan setinggalan itu menunjukkan ketiadaan kemudahan yang cukup. Penduduk setinggalan ini hanya menumpang atau mencuri bekalan kemudahan asas bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Ketiadaan bekalan elektrik air bersih dan kemudahan untuk membuang sampah itu menjadikan kawasan setinggalan menjadi kotor, berbau dan menjijikkan. Jika dilihat dengan pandangan kasar, rumah-rumah yang dihuni oleh setinggalan tidak mempunyai saluran tandas yang betul untuk mereka membuang sisa buangan manusia. Ini membuatkan kawasan rumah mereka sering kali berbau. Kesanggupan penduduk setinggalan ini untuk terus tinggal di kawasan ini menunjukkan mereka tidak mampu berbuat apa-apa untuk membaiki taraf hidup mereka. Bilangan keluarga yang ramai dan rumah

yang kecil seolah-olah mereka hanya sekadar menunggu bantuan dari kerajaan untuk mengubah nasib mereka. Namun begitu, tidak semudah itu kerajaan memberi mereka bantuan kerana mereka perlu diselidik lebih lanjut supaya tidak berlaku sebarang penipuan terhadap kerajaan.

Perobohan yang dilakukan oleh sektor penguatkuasa di kawasan setinggan adalah salah satu langkah untuk menangani masalah setinggan dengan lebih awal. Namun begitu, setiap strategi yang dibuat oleh sektor penguatkuasa sudah pastinya mempunyai cabaran yang begitu mendalam. Ianya bukan sahaja daripada penduduk setinggan sendiri, akan tetapi campur tangan politik yang memyukarkan sektor penguatkuasa untuk membasmi kawasan setinggan ini. Tidak hanya itu, dalam campur tangan politik ini juga, pihak yang berkaitan berjanji akan memberikan penduduk setinggan tanah atau kawasan untuk mereka membuat penempatan mereka sendiri. Hanya disebabkan oleh campur tangan politik ini telah memaksa sektor penguatkuasa untuk mengadakan rundingan semula atau mesyuarat bersama-sama dengan pihak terbabit untuk menyelesaikan masalah ini. Selain itu, kewujudan konflik antara penduduk setinggan yang enggan untuk menerima arahan daripada sektor penguatkuasa akan mengeruhkan keadaan dimana sektor penguatkuasa terpaksa menerima arahan dengan perobohan serta-merta bagi penduduk setinggan yang enggan memberi kerjasama. Segala harta benda mereka yang rosak adalah dibawah tanggungjawab mereka sendiri bukan sektor penguatkuasa.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, penempatan setinggan ini wujud disebabkan oleh beberapa punca yang mana mereka menghadapi kesempitan hidup dan kemasukan migran yang begitu ramai sejak dari dahulu lagi. Keadaan ini telah mewujudkan kesan negatif kepada masyarakat secara umumnya. Oleh sebab itu, untuk mengatasi masalah ini, penglibatan sektor penguatkuasa Dewan Bandaraya Kota Kinabalu amat diperlukan untuk menangani isu setinggan ini daripada terus berleluasa. Dengan adanya sektor penguatkuasa ini, ianya dapat memberi pandangan dan cadangan kepada pihak kerajaan dan swasta untuk sama-sama bekerjasama bagi mengurangkan penempatan setinggan dengan menyediakan rumah kos rendah khususnya bagi penduduk setinggan yang mempunyai dokumen pengenalan diri. Namun begitu, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh sektor penguatkuasa untuk terus menangani isu ini. Oleh sebab itu, untuk berhadapan dengan cabaran ini perlunya kerjasama daripada semua pihak yang berkaitan bukan hanya sektor penguatkuasa DBKK sahaja tetapi ianya menyeluruh dengan mengetatkan undang-undang yang sedia ada untuk memelihara bandaraya kota Kinabalu ini daripada terus menjadi lubang kawasan penempatan setinggan pada masa akan datang. Oleh yang demikian, usaha-usaha ini perlulah dilakukan dengan adil dan saksama supaya ianya dapat dituntas melalui program setinggan sifar.

Rujukan

Artikel Jurnal

Amaluddin Bakeri & Mohammad Raduan Mohd Ariff, 2004. *Pembongkaran Penempatan Kampung Air Di Pulau Borneo: Kajian Kes Kota Kinabalu, Sabah*. Universiti Malaya.

- Halizah Binti Sipun, 2010. *Penempatan Semua Setinggan Negeri Perak Kawasan Kajian: Rancangan Perkampungan Tersusun Seri Murni, Seri Keramat Dan Tok Chendang, Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta*. Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi Universiti Teknologi Malaysia.
- Halizah Binti Sipun, 2010. *Penempatan Semula Setinggan Negeri Perak Kawasan Kajian: Rancangan Perkampungan Tersusun Seri Murni, Seri Keramat dan Tok Chendang, Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta*. Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi Universiti Teknologi Malaysia.
- Jalilah Md. Shah, 2010. *Penghuni Setinggan Dan Strategi Kelangsungan Sosio-Ekonomi Di Kota Kinabalu, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Jaya Bin Pala, 2004. *Setinggan*. Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif Universiti Malaysia Sabah.
- Junaidi Awang Besar et.al, 2018. *Impak Sosioekonomi Dan Politik Program Perumahan Rakyat Lembah Subang, Selangor*. Akademika.
- Mohamed Bin Ismail, Mei 2015. *Setinggan Dan Permasalahannya Serta Penyelesaian Ke Arah Setinggan Sifar*. Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Elmi Fauzan Bin Md Jamil, 2019. *Strategi Pemberimilikan Tanah Dalam Konteks Penyelesaian Setinggan*. Fakulti Alam Bina dan Ukur Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fadzil Abdul Rashid, 2007. *Migrasi Dan Kemiskinan Bandar: Suatu Kajian Literatur*. Universiti Teknologi Mara.
- Mohd Hamdan Adnan, 2017. *Perspektif Dan Sumber Maklumat Isu Perumahan Dalam Kalangan Pengguna Sabah*. Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Muhammad Haikal Bin Mazlan, 2022. Isu Penempatan Setinggan. https://kupdf.net/download/isu-penempatan-setinggan_61d9adfee2b6f59d0d023a1f_pdf (diakses pada 09 Ogos 2019).
- Sardi Bin Samsuddin, 2009. *Impak Kawasan Setinggan Terhadap Kualiti Air Sungai Inanam*. Universiti Malaysia Sabah.
- Ubong Imang. Imigran Dan Pembantaran: Kesan Ke Atas Pola Ruang Mobiliti Penduduk Di Pusat Bandaraya Kota Kinabalu (diakses pada 15 Julai 2019).
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. *Impak Kehadiran Pendatang Filipina Di Kampung-Kampung Air: Satu Tinjauan Di Sabah*. http://studentsrepo.um.edu.my/5292/2/2-bab_1-5.pdf

Bab Dalam Buku

- Sejarah dan Struktur Pentadbiran Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. http://studentsrepo.um.edu.my/1365/6/BAB_3.pdf (diakses pada 10 Ogos 2019).

Sumber Internet

Laporan Perangkaan Tahunan 2014. Jabatan Perumahan Negara. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

http://ehome.kpkt.gov.my/resources/index/Laporan%20Perangkaan/Laporan_Perangkaan_Tahunan_2014.pdf (diakses pada 15 Julai 2019).

Pelan Strategik 2011-2015. Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah, Keluaran Kedua Mac2012

<http://www.sabah.gov.my/mlgh/Perancangan%20strategik%20KKTP%20Sabah.pdf> (diakses pada 09 Ogos 2019).

Poliana Ronnie Sidom, 2019. Penduduk Rayu Campur Tangan Kerajaan. BH Online.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/01/517116/penduduk-rayu-campur-tangan-kerajaan> (diakses pada 10 Ogos 2019).

Suzianah Jiffar, 2016. 36 Penempatan Setinggal Punca Masalah Kepada Kota Kinabalu. BH Online. <https://www.bharian.com.my/node/227719> (diakses pada 09 Ogos 2019)